BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 03/08/09

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum pukul 1800 petang hari Isnin, 31 Mac 2008

Perkembangan Monetari dan Kewangan Februari 2008
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Ketidakpastian dan ketidaktentuan dalam pasaran kewangan antarabangsa telah menyebabkan pasaran kewangan domestik semakin tidak menentu.

- Mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dan sistem kewangan yang berdaya tahan terus menyediakan pembiayaan kepada pelbagai sektor ekonomi.

- Pembiayaan bersih kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul meningkat dengan lebih pesat pada bulan Februari.

- Kadar deposit dan kadar pinjaman purata sistem perbankan adalah stabil.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 03/08/09

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum pukul 1800 petang hari Isnin, 31 Mac 2008

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
Februari 2008

Pembiayaan kasar kepada sektor swasta lebih rendah pada bulan Februari, terutamanya disebabkan bilangan hari bekerja yang kurang sedikit berikutan perayaan Tahun Baharu Cina pada bulan tersebut. Walau bagaimanapun, pembiayaan kasar meningkat 20.8% berbanding dengan tahun lepas. Pada asas bersih, pembiayaan yang diberikan kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 12.2%. Jumlah pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan sebanyak 9.8% pada akhir bulan Februari, manakala kadar pertumbuhan tahunan bagi permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman bagi sektor perniagaan dan sektor isi rumah terus tinggi.

Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil. Kadar deposit tetap dan kadar pinjaman purata bank perdagangan juga tidak berubah.

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada bulan Februari, mencerminkan kelemahan mata wang AS dan juga keyakinan para pelabur terhadap ekonomi Malaysia berikutan penyiaran data pertumbuhan KDNK yang kukuh bagi tahun 2007 pada 27 Februari 2008. Ringgit mengalami keadaan turun naik yang lebih ketara pada bulan Mac, sepertimana mata wang serantau lain, disebabkan sentimen pelabur yang beralih arah serta perkembangan dalam pasaran kewangan antarabangsa. Bagi keseluruhan tempoh 1 Februari – 28 Mac 2008, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (0.9%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun Britain (-0.3%), euro (-

5.2%) dan yen Jepun (-5.5%). Prestasi ringgit adalah bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau.

Inflasi meningkat kepada 2.7% pada bulan Februari 2008 (Januari: 2.3%) disebabkan oleh kenaikan harga yang lebih ketara bagi beberapa kategori dalam Indeks Harga Pengguna. Harga dalam kategori *makanan dan minuman tidak beralkohol* naik dengan nyata, sebanyak 4.5% (Januari: 3.9%), sebahagiannya disebabkan oleh perayaan Tahun Baharu Cina. Kadar sewa dan harga barangan dalam kategori *restoran dan hotel* serta *perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan* turut naik, masing-masing sebanyak 7.3% dan 2.6% (Januari: 6.7% dan 2.5%). Tambahan lagi, harga dalam kategori *pelbagai barangan dan perkhidmatan* juga naik 3.3% (Januari: 2.9%) terutamanya disebabkan kenaikan harga barang kemas berikutan harga emas yang lebih tinggi.

Wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan sebanyak 11%, mencerminkan aliran masuk asing bersih dan pemberian pinjaman bank yang bertambah kepada sektor swasta.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) pada 13.3% pada akhir bulan Februari 2008. Sementara itu, nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih terus stabil pada 3.1%.

Kadar faedah terus stabil

Pada tempoh 1 Februari – 28 Mac, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 3.49% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan terus tidak berubah pada bulan Februari dan Mac. Pada 15 Mac 2008, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan adalah dalam julat 3.08% dan 3.70%. Bagi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata dan kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) tidak berubah, masing-masing pada 6.72% dan 6.27% pada bulan Februari.



Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat yang kecil



Kadar antara bank lain terus hampir tidak berubah



Bank Negara Malaysia mengeluarkan mudah tunai daripada sistem pada bulan Februari



ALR bank perdagangan tidak berubah



Nisbah pembiayaan-deposit dan pinjaman-deposit menjadi sederhana pada bulan Februari kerana pertumbuhan deposit melebihi peningkatan pinjaman



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jan 08	3.08	3.15	3.29	3.38	3.70
Feb 08	3.08	3.14	3.28	3.37	3.70
15 Mac 08	3.08	3.14	3.28	3.37	3.70

Kadar FD purata tidak berubah



Kadar FD benar 3 bulan lebih rendah

Prestasi ringgit bercampur-campur

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada bulan Februari, mencerminkan kelemahan mata wang AS dan juga keyakinan pelabur terhadap ekonomi Malaysia berikutan penyiaran data pertumbuhan KDNK yang kukuh bagi tahun 2007 pada 27 Februari 2008. Ringgit mengalami keadaan turun naik yang lebih ketara pada bulan Mac sepertimana kebanyakan mata wang serantau lain, disebabkan sentimen pelabur yang beralih arah dan perkembangan dalam pasaran kewangan antarabangsa.

Dalam keseluruhan tempoh 1 Februari – 28 Mac 2008, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (0.9%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun Britain (-0.3%), euro (-5.2%) dan yen Jepun (-5.5%). Prestasi ringgit adalah bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau. Ringgit menambah nilai berbanding dengan won Korea (5.8%) dan peso Filipina (3.9%), manakala ia menyusut nilai berbanding dengan renmimbi China (-1.5%), dolar Singapura (-1.8%) dan baht Thailand (-3.9%). Ringgit tidak berubah berbanding dengan rupiah Indonesia.



Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS



Prestasi ringgit adalah bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 07	Jan 08	Feb 08	28 Mac 08	Akhir Dis 07 - 28 Mac 08	Akhir Jan 08 - 28 Mac 08
Dolar AS	3.3065	3.2360	3.1890	3.2080	3.1	0.9
Euro	4.8756	4.8030	4.8406	5.0667	-3.8	-5.2
Paun sterling	6.6070	6.4210	6.3399	6.4393	2.6	-0.3
100 yen Jepun	2.9534	3.0411	3.0431	3.2178	-8.2	-5.5
Dolar Singapura	2.2938	2.2814	2.2899	2.3230	-1.3	-1.8
100 baht Thailand	9.8159	9.7972	9.9859	10.1987	-3.8	-3.9
100 peso Filipina	8.0158	7.9655	7.8819	7.6696	4.5	3.9
100 rupiah Indonesia	0.0352	0.0348	0.0352	0.0348	1.2	0.0
100 won Korea	0.3532	0.3421	0.3400	0.3235	9.2	5.8
Renminbi China	0.4527	0.4505	0.4481	0.4575	-1.1	-1.5

Inflasi meningkat pada bulan Februari

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 2.7% pada bulan Februari (Januari: 2.3%). Peningkatan ini disebabkan kenaikan harga bagi beberapa kategori IHP. Harga dalam kategori *makanan dan minuman tidak beralkohol* mencatat kenaikan nyata sebanyak 4.5% (Januari: 3.9%), sebahagiannya disebabkan perayaan Tahun Baharu Cina. Kadar sewa dan harga barangan dalam kategori *restoran dan hotel* serta *perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan* turut naik, masing-masing sebanyak 7.3% dan 2.6% (Januari: 6.7% dan 2.5%). Tambahan lagi, harga dalam kategori *pelbagai barangan dan perkhidmatan* juga naik 3.3% (Januari 2.9%), terutamanya disebabkan kenaikan harga barang kemas berikutan harga emas yang lebih tinggi. Sebaliknya, harga barangan dalam kategori komunikasi terus menurun.



Inflasi lebih tinggi pada bulan Februari terutamanya disebabkan harga makanan yang lebih tinggi



Inflasi harga pengeluar lebih perlahan pada bulan Januari

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 9.4% pada bulan Januari (Disember: 10.8%). Inflasi harga dalam komponen IHPR yang berasaskan bukan komoditi menjadi sederhana kepada 1.2% pada bulan Januari (Disember: 4.1%) terutamanya disebabkan penurunan harga dalam kategori *jentera dan kelengkapan pengangkutan*. Namun demikian, penurunan tersebut sebahagiannya diimbangi oleh harga komponen IHPR berasaskan komoditi yang lebih tinggi, disebabkan harga dunia komoditi mentah yang terus tinggi yang mengakibatkan kenaikan harga dalam kategori *minyak dan lelemak binatang dan sayuran; bahan api mineral, pelincir dan bahan berkaitan;* dan *bahan mentah tidak boleh makan kecuali bahan api*.



M3 terus meningkat pada bulan Februari

Pada bulan Februari, wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM9.5 bilion atau pada kadar tahunan sebanyak 11%. Peningkatan ini mencerminkan aliran masuk asing bersih dan pemberian pinjaman bank yang bertambah kepada sektor swasta. Walau bagaimanapun, kesan faktor-faktor ini telah dikurangkan oleh operasi Kerajaan yang memberikan kesan penguncupan dan operasi pensterilan Bank Negara Malaysia.

M1 meningkat pada kadar tahunan yang lebih sederhana berbanding dengan bulan Januari. Pada asas bulanan, M1 berkurang sebanyak RM3 bilion disebabkan penempatan deposit permintaan yang lebih rendah oleh sektor perniagaan.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Nov 07	**Dis 07**	**Jan 08**	**Feb 08**
M3	1.0	24.3	33.9	9.5
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-0.4	13.9	1.5	-4.7
Tuntutan ke atas sektor swasta	-3.4	-3.8	7.9	3.8
Pinjaman	*3.8*	*-10.2*	*7.1*	*5.3*
Sekuriti	*-7.2*	*6.3*	*0.8*	*-1.5*
Operasi luar bersih *	0.8	5.7	20.4	20.8
Pengaruh lain	4.0	8.5	4.1	-10.4

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.



Deposit sistem perbankan terus meningkat

Jumlah deposit dengan sistem perbankan meningkat sebanyak RM8.5 bilion atau pada kadar tahunan sebanyak 7.6% pada bulan Februari (Januari: RM24.4 bilion; 7.8%), terutamanya mencerminkan penempatan deposit yang lebih tinggi oleh institusi kewangan, individu dan sebahagian kecilnya, Kerajaan-kerajaan Negeri. Peningkatan deposit sebahagiannya mencerminkan aliran masuk asing bersih pada bulan tersebut. Mengikut jenis, peningkatan deposit terutamanya adalah dalam bentuk deposit Perbankan Islam, perjanjian belian balik (repo) dan deposit pasaran wang jangka pendek, yang dicerminkan dalam kategori *deposit lain*.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Nov 07	**Dis 07**	**Jan 08**	**Feb 08**
Kerajaan Persekutuan	-599	260	-141	724
Kerajaan Negeri	-1,199	-1,024	-147	1,362
Badan Berkanun [1]	298	2,049	-476	-621
Institusi Kewangan	-4,753	15,757	1,722	5,166
Perusahaan Perniagaan	-82	10,653	16,768	-1,635
Individu	2,294	3,966	4,866	5,095
Lain-lain [2]	815	-1,518	1,832	-1,595
Jumlah	-3,226	30,144	24,424	8,495

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Nov 07	**Dis 07**	**Jan 08**	**Feb 08**
Deposit tetap	-3,503	-997	528	-875
NID	-5,468	8,563	-5,132	-3,341
Deposit permintaan	-2,339	6,847	3,861	-2,135
Deposit tabungan	132	1,143	1,201	1,697
Perjanjian beli balik (Repo)	77	665	-680	2,631
Deposit mata wang asing	1,445	-1,284	2,385	714
Deposit SPI	1,594	7,021	2,200	5,379
Lain-lain[1]	4,835	8,186	20,062	4,426
Jumlah	-3,226	30,144	24,424	8,495

1/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Pembiayaan bersih meningkat pada kadar yang lebih pesat pada bulan Februari

Pembiayaan kasar kepada sektor swasta adalah lebih rendah pada bulan Februari, terutamanya disebabkan bilangan hari bekerja yang kurang sedikit berikutan perayaan Tahun Baharu Cina pada bulan tersebut. Walau bagaimanapun, pembiayaan kasar meningkat sebanyak 20.8% (17.2% pada bulan Januari) berbanding dengan tahun lepas. Pada asas bersih, pembiayaan yang diberikan kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 12.2% (Jan: 11.6%).



Pembiayaan kasar sektor swasta berjumlah RM47.4 bilion



Penunjuk pinjaman utama lebih rendah sebahagiannya disebabkan musim perayaan

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Jan-08	Feb-08	Jan-08	Feb-08
Jumlah				
Permohonan pinjaman	40.0	32.0	46.4	41.9
Kelulusan pinjaman	26.5	21.1	61.3	47.7
Pengeluaran pinjaman	54.5	46.0	16.5	19.3
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	7.3	5.7	9.3	9.8
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	20.1	15.9	48.9	33.0
Kelulusan pinjaman	14.7	11.1	73.7	49.1
Pengeluaran pinjaman	38.3	32.0	15.2	20.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.9	4.4	10.6	11.9
PKS[2/]				
Permohonan pinjaman	8.2	7.7	15.0	30.1
Kelulusan pinjaman	4.5	3.4	33.2	5.4
Pengeluaran pinjaman	13.8	13.6	23.7	39.4
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.9	2.6	10.1	12.7
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	19.9	16.1	43.9	51.9
Kelulusan pinjaman	11.9	10.0	48.2	46.2
Pengeluaran pinjaman	16.2	14.0	19.6	17.4
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.1	1.2	7.8	7.8

Semua penunjuk pinjaman menunjukkan permintaan terhadap pembiayaan terus kukuh

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.
[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu



Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh

Meskipun dipengaruhi faktor bermusim pada bulan Februari, kadar pertumbuhan tahunan untuk semua penunjuk pinjaman bagi sektor perniagaan dan sektor isi rumah adalah tinggi pada bulan itu. Ini mencerminkan permintaan pembiayaan yang berterusan bagi operasi perniagaan dan aktiviti penggunaan swasta.

Jumlah pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan sebanyak 9.8% pada akhir bulan Februari (akhir bulan Januari: 9.3%). Mengikut pelanggan, pinjaman terkumpul sektor perniagaan meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 11.9% (Januari: 10.6%), manakala kadar pertumbuhan tahunan bagi pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah adalah stabil pada 7.8% (Januari: 7.8%).

Dana diperoleh dalam pasaran modal terus meningkat

Dana bersih diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih rendah pada bulan Februari, berjumlah sebanyak RM3.7 bilion. Sektor awam memperoleh dana bersih sebanyak RM3.6 bilion melalui pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 3 tahun dan MGS boleh panggil 3 tahun. Dalam sektor swasta, dana kasar yang diperoleh dalam pasaran PDS berjumlah RM2 bilion, termasuk RM1 bilion yang diterbitkan oleh sebuah syarikat pelaburan Timur Tengah dalam pasaran modal Malaysia. Selepas membuat penyelarasan bagi penebusan, dana bersih diperoleh dalam sektor swasta berjumlah RM61 juta.



1/ Termasuk Cagamas Bon

KLCI menurun sejajar dengan pasaran serantau

Sejajar dengan prestasi pasaran ekuiti serantau, KLCI menurun pada bulan Februari 2008 untuk ditutup pada 1,357.4, atau 2.6% lebih rendah berbanding dengan akhir bulan Januari 2008. Pada separuh pertama bulan itu, KLCI mencatat prestasi positif yang dipacu terutamanya oleh sektor perladangan. Meskipun sektor perladangan disokong oleh kenaikan berterusan harga minyak sawit mentah, KLCI menurun pada separuh kedua bulan Februari disebabkan kebimbangan baharu terhadap kedalaman kelembapan ekonomi AS. Pada tempoh tersebut, tekanan penjualan dalam sektor pembinaan turut menyumbang kepada sentimen pasaran yang lemah. Pemodalan pasaran menurun kepada RM1,028.3 bilion (sejak akhir bulan Januari: -2.7%), manakala urus niaga purata harian menurun kepada 794.3 juta unit (Januari: 1,169.0 juta unit).



Pasaran kewangan serantau menurun pada bulan Februari

Pada 28 Mac, KLCI ditutup lebih rendah pada 1,258.4 mata (sejak akhir bulan Februari: -7.3%). Permodalan pasaran keseluruhan menurun kepada RM960.5 bilion (sejak akhir bulan Februari: -6.6%), manakala aktiviti perdagangan lebih tinggi dengan urus niaga purata harian sebanyak 823.6 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM384.1 bilion (bersamaan dengan USD116.3 bilion) pada 29 Februari 2008. Pada 14 Mac 2008, rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM393.2 bilion (bersamaan dengan USD119.1 bilion). Paras rizab ini memadai untuk membiayai 9.8 bulan import tertangguh dan ialah 7.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Paras permodalan terus kukuh sementara pinjaman tak berbayar stabil

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 13.3% dan 10.4%. Kedudukan modal institusi perbankan yang bertambah kukuh adalah hasil daripada untung tertahan yang lebih tinggi, tetapi diimbangi sebahagiannya oleh pelaburan sebuah institusi perbankan dalam sebuah subsidiari Islam domestik baharu. Sementara itu, nisbah NPL bersih terus stabil pada 3.1% bagi bulan itu.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	Dis 07	Jan 08	Feb 08
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.1	10.3	10.4
RWCR	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2	13.3	13.3
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	9.7	11.5	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	3.2	3.1	3.1
Jumlah (RM juta)	37,678	46,254	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	20,081	19,649	19,547
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.2	2.1	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.



Paras permodalan sistem perbankan terus kukuh…



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…manakala paras NPL terus stabil

Bank Negara Malaysia
31 Mac 2008

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Dis 07		Jan 08		Feb 08	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		63.9	9.8	69.6	18.2	67.7	13.4
M1		169.0	19.6	175.6	21.6	172.6	15.5
M2		796.9	9.5	827.2	11.1	835.4	10.5
M3		832.8	9.5	866.7	11.7	876.2	11.0
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		868.9	7.0	893.3	7.8	901.8	7.6
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		644.2	8.6	651.5	9.3	657.2	9.8
Nisbah pinjaman-deposit (%)		72.2		71.1		71.2	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		80.8		79.3		79.1	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		39.6	44.8	40.0	46.4	32.0	41.9
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		26.8	51.6	26.5	61.3	21.1	47.7
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		53.4	17.8	54.5	16.5	46.0	19.3
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		65.1	48.3	49.4	15.7	43.3	21.2
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.2		13.3		13.3	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		3.2		3.1		3.1	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		335.7		361.6		384.1	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		101.3		109.3		116.3	
Bilangan bulan import tertangguh		8.4		9.1		9.6	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.49 [3.50]		3.49 [3.50]		3.49 [3.50]	
	Seminggu	3.52 [3.51]		3.54 [3.52]		3.53 [3.52]	
	1 bulan	3.56 [3.54]		3.55 [3.55]		3.55 [3.55]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.08		3.08		3.08	
	3 bulan	3.15		3.15		3.14	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.29		6.27		6.27	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		107.1	2.4	107.5	2.3	107.9	2.7
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		137.6	10.8	138.1	9.4	0.0	0.0
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.3065		3.2360		3.1890	
Euro		4.8756		4.8030		4.8406	
Paun Sterling		6.6070		6.4210		6.3399	
100 Yen Jepun		2.9534		3.0411		3.0431	
Dolar Singapura		2.2938		2.2814		2.2899	
100 Baht Thailand		9.816		9.7972		9.9859	
100 Peso Filipina		8.0158		7.9655		7.8819	
100 Rupiah Indonesia		0.0352		0.0348		0.0352	
100 Won Korea		0.3532		0.3421		0.3400	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	-5.6		7.1		3.6	
	swasta	17.0		-0.9		0.1	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,445.0		1,393.3		1,357.4	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		1,106.2		1,057.3		1,028.3	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.